

Menang bida projek pembangunan latihan vokasional Jordan

# UTHM dapat kepercayaan Bank Dunia

Oleh **HAMDAN TAWADI**  
utusanjohor@utusan.com.my

**BATU PAHAT** 17 Mei - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mendapat kepercayaan Bank Dunia apabila memenangi bidaan antarabangsa dalam mendapatkan projek pembangunan latihan vokasional bagi Jordan.

UTHM melalui anak syarikatnya UTHM Holdings Sdn. Bhd. diberi tanggungjawab membangunkan sistem tadbir urus dan model latihan vokasional untuk Jordan

melalui Vocational Training Corporation (VTC) yang diletakkan di bawah Kementerian Buruh negara Asia Barat itu.

Menurut kenyataan UTHM, Majlis Menandatangani Kontrak Perkhidmatan Perundingan telah dilangsungkan di ibu pejabat VTC di Amman 8 Mei lalu dengan disaksikan Duta Malaysia di Jordan, Datuk Abdul Malek Abdul Aziz.

Dalam perjanjian itu, Jordan diwakili oleh Menteri Buruh, Dr. Mahmoud Al-Kafawin dan Pengarah Urusan VTC, Majed Al-Habashneh

manakala UTHM diwakili Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin dan Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM, Prof. Dr. Wahid Razzaly.

Abdul Malek dalam ucapannya melahirkan rasa bangga dengan pemilihan UTHM dalam membangunkan projek antarabangsa dan menaruh kepercayaan penuh dengan kemampuan tenaga pakar universiti ini.

Sementara itu, Mohd. Noh Dalimin mahu projek itu adalah lebih dari sekadar satu usaha sama di antara dua agensi kerana ia turut me-

lambangkan hubungan erat di antara dua negara Islam yang progresif.

Beliau turut melahirkan harapan semoga projek itu akan merintis kerjasama yang lebih erat di antara kedua-dua negara khususnya berkaitan pendidikan dan latihan kemahiran teknikal yang menjadi bidang kepakaran UTHM.

UTHM merupakan peneraju dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional di negara ini dan menjadi satu-satunya institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia yang terpilih sebagai Pusat Antarabangsa

bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional.

Dalam melaksanakan projek yang memakan masa 30 bulan itu, kumpulan pakar diketuai Wahid, akan turut disertai pakar antarabangsa lain seperti Dr. Dennis Harper dan Steven Mckee dari Amerika Syarikat (AS) dan Dr. Jose Lacson dari Filipina.

Pakar dalaman UTHM lain yang terlibat dalam projek itu ialah Mohd. Noh Dalimin, Prof. Dr. Jailani Md. Yunos, Prof. Dr. Noraini Karpawi dan Dr. Razali Hassan.

Dalam pada itu, delegasi UTHM turut memeterai Persetujuan Bersama (Joint Declaration) dengan Al-Balqa Applied University (BAU), sebuah universiti yang mempunyai pelajar paling ramai di Jordan.

Persetujuan Bersama itu ditanandatangani oleh Mohd. Noh dan Presiden BAU, Prof. Dr. Ekhleif Y. Tarawneh melibatkan aspek seperti pertukaran penyelidik, pentadbir dan pelajar, pelaksanaan projek penyelidikan bersama serta pengangan seminar dan penerbitan bersama kedua-dua buah universiti.